

**PERSIDANGAN KALI YANG KEDUA
BAGI TEMPOH PENGGAL KETIGA
DEWAN NEGERI KELANTAN
YANG KELIMABELAS TAHUN 2025**

**SOALAN-SOALAN YANG DIKEMUKAKAN
UNTUK MENDAPAT JAWAPAN MULUT**

~~~~~

|               |                   |              |
|---------------|-------------------|--------------|
| <b>Pada :</b> | <b>25 Muharam</b> | <b>1447H</b> |
|               | <b>21 Julai</b>   | <b>2025</b>  |

**Soalan-soalan yang dikemukakan oleh :**

**1. YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN - BUNUT PAYONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, berapakah keluasan Tanah Rizab Melayu yang masih ada di Kelantan dan apakah perancangan untuk membangunkan Tanah Rizab tersebut.

**JAWAPAN : (YAB DATO' PANGLIMA PERANG USTAZ DATO HAJI MOHD NASSURUDDIN BIN HAJI DAUD)**

Seluruh Negeri Kelantan telah diisytiharkan sebagai tanah Rizab Melayu sebagaimana Warta Kerajaan No.2044/2020 melainkan sebahagian kecil sahaja yang dikekalkan sebagai luar Rizab Melayu. Keluasan tanah Rizab Melayu adalah 1,361,114.00 hektar. Sehubungan dengan itu, semua perancangan pembangunan hampir keseluruhannya melibatkan tanah Rizab Melayu memandangkan peratusan Rizab Melayu dianggarkan 91.1 peratus daripada keseluruhan Negeri Kelantan.

## **2. YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN – KELABORAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan yang akan dibuat oleh pihak kerajaan untuk memastikan pembangunan di sekitar projek keretapi laju ECRL dari segi industri perkilangan dan pembuatan yang bakal melonjakkan ekonomi negeri Kelantan.

### **JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Kerajaan Negeri sememangnya telah merangka perancangan strategik bagi memastikan pembangunan di sekitar jajaran projek ECRL dapat dimanfaatkan sepenuhnya, khususnya dalam sektor industri perkilangan dan pembuatan yang berpotensi melonjakkan ekonomi Negeri Kelantan.

Antara perancangan utama yang sedang dilaksanakan ialah

1. Pembangunan berasaskan Cargo Oriented Development (COD) di Stesen Pasir Puteh
2. Pembangunan berasaskan Transit Oriented Development (TOD) di Stesen Tunjong

### **3. YB DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YUNUS - PASIR TUMBOH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Bagaimanakah Kerajaan Negeri memastikan projek-projek pelaburan benar-benar memberi manfaat kepada rakyat seperti peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi setempat?

#### **JAWAPAN : (YB MEJAR (B) DATO' HAJI MD ANIZAM BIN ABDUL RAHMAN)**

Bagi memastikan setiap projek pelaburan yang dibawa masuk benar-benar memberi manfaat kepada rakyat, Kerajaan Negeri telah menetapkan beberapa syarat dan garis panduan pelaksanaan. Antaranya melalui Pekeliling Pembangunan Bilangan 4 Tahun 2019 - Insentif Kepada Pelabur yang Melabur di Negeri Kelantan. Pelabur yang ingin mendapatkan insentif diwajibkan mematuhi penilaian berasaskan Managerial, Technical dan Supervisory Indeks (MTS Index). Menerusi pendekatan ini, peluang pekerjaan yang ditawarkan mestilah diutamakan kepada rakyat tempatan dengan kadar pengambilan melebihi 60 peratus melibatkan semua peringkat termasuk pengurusan dan sokongan.

Selain itu, setiap permohonan pelaburan juga perlu disertakan dengan pembentangan terperinci mengenai peluang pekerjaan yang akan diwujudkan untuk penduduk tempatan. Kerajaan Negeri turut sentiasa menggesa dan menggalakkan para pelabur untuk mengutamakan tenaga kerja tempatan dalam penawaran pekerjaan.

4. **YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD - TENDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status terkini pelaksanaan projek-projek infrastruktur bekalan air mentah di kawasan -kawasan pendalaman negeri Kelantan?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

Untuk makluman YB, antara kawasan pendalaman negeri Kelantan yang terlibat bagi pelaksanaan projek-projek infrastuktur bekalan air di Jajahan Kuala Krai dan Gua Musang sepertimana jadual berikut:

| BIL | JAHAHAN    | NAMA PROJEK                                                                                | PERUNTUKAN     | TAHUN MULA | TAHUN SIAP | STATUS                                                                                        |
|-----|------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|----------------|------------|------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Kuala Krai | Menaiktaraf LRA Manek Urai Serta Sistem Agihan, Kuala Krai daripada 6.7 JLH kepada 20 JLH. | KKDW RP4 RMK12 | 2028       | 2030       | Peringkat penyediaan Terma Rujukan (TOR) untuk melantik perunding dan proses pemilikan tanah. |
| 2   | Gua Musang | Menaiktaraf LRA Limau Kasturi daripada 4JLH kepada 10 JLH.                                 | KKDW RP5 RMK12 | 2027       | 2029       | Peringkat penyediaan Terma Rujukan (TOR) untuk melantik perunding dan proses pemilikan tanah. |
| 3   | Gua Musang | Menaiktaraf LRA Paloh daripada 6JLH kepada 10 JLH.                                         | KKDW RP5 RMK12 | 2027       | 2029       | Peringkat penyediaan Terma Rujukan (TOR) untuk melantik perunding dan proses pemilikan tanah. |
| 4   | Gua Musang | Menaiktaraf LRA Panggung Lalat berkapasiti 2JLH.                                           | KKDW RP2 RMK12 | 2026       | 2028       | Peringkat rekabentuk oleh perunding dan proses pemilikan tanah.                               |
| 5   | Gua Musang | Pembinaan LRA Setelu, Gua Musang                                                           | KKDW RP3 RMK12 | 2027       | 2029       | Peringkat rekabentuk oleh Perunding.                                                          |

|   |               |                                                                                                                                   |      |      |      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|---|---------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------|------|------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|   |               | berkapasiti<br>7 JLH.                                                                                                             |      |      |      |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 6 | Gua<br>Musang | Pembinaan<br>Loji Rawatan<br>Air Bukit<br>Chupak (10<br>JLH) Dan<br>Menaiktaraf<br>Sistem<br>Agihan Di<br>Gua Musang,<br>Kelantan | PAAB | 2022 | 2025 | <p>Dalam pembinaan<br/>Jadual: 98%<br/>Sebenar: 89%<br/>Mula :<br/>29/11/2022<br/>Siap:<br/>28/05/2024<br/>EOT 1:<br/>26/12/2024<br/>EOT 2:<br/>01/04/2025<br/>EOT 3:<br/>31/08/2025</p> <p>- Susulan<br/>lawatan YB Exco<br/>ke tapak pada<br/>12/6/2025.<br/>Pihak<br/>kontraktor<br/>telah berjanji<br/>loji ini akan<br/>dapat<br/>beroperasi pada<br/>Disember 2025.</p> |

## **5. YB TUAN ZURAIDIN BIN ABULLAH - CHETOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, adakah Kerajaan Negeri menetapkan KPI kepada semua Syarikat Pertanian milik kerajaan (GLC) bagi menyumbang kepada Sekuriti Makanan Negeri Kelantan dan apakah pencapaian setakat ini?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

### **A. Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK)**

KPI kepada Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan (PKPNK) bagi menyumbang kepada sekuriti makanan Negeri Kelantan dan pencapaian setakat ini adalah seperti :

1. Pihak PKPNK telah dan sedang menjalankan operasi tanaman sayuran hidroponik sebanyak 60,000 buah pot dan tanaman cili secara fertigasi. Tanaman-tanaman ini telah memberi hasil yang maksimum pada setakat ini serta telah menyumbangkan kepada bekalan sayur-sayuran tempatan. Sebagai contoh setakat ini PKPNK dapat membekalkan sebanyak 1 tan sayuran berdaun setiap minggu serta 2 tan cili bagi setiap pusingan dan turut dijual pada pasaran tempatan Negeri Kelantan.
2. Pihak PKPNK juga turut merancang bagi menambah jumlah tanaman untuk memaksimumkan lagi jumlah hasil pengeluaran sayur-sayuran bagi menyumbang kepada sekuriti makanan Negeri Kelantan. Pihak Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah meluluskan beberapa jumlah peruntukan bagi tanaman cili fertigasi, melon, serta bawang yang akan dijalankan di Agrovalley Rong Chenok bagi tahun 2024-2025.

### **B. Kelantan Bio-tech Corp Sdn Bhd (KBCSB)**

Kerajaan Negeri telah menetapkan KPI kepada semua GLC Pertanian terutama bagi menyumbang kepada Sekuriti Makanan negeri melalui beberapa saluran iaitu:

1. Syarikat - sasaran dan KPI tahunan Syarikat
2. Halatuju portfolio Kerajaan negeri Kelantan (MMK) 2024-2028
3. Dasar Pertanian N. Kelantan 2021 - 2025

KBCSB, sebagai sebuah GLC pertanian di bawah PMBK mempunyai KPI dalam Halatuju AMMK 2024-2028 yang menyumbang kepada sekuriti makanan negeri dan berikut pencapaiannya:

1. Membangun Tanah Rizab haiwan dan Tanah Terbiar dalam negeri - membangun 90% (135 ekar daripada 150 ekar) di Gong Datok.
2. Kelantan BioART Centre sebagai pengeluar semen beku ternakan - telah beroperasi, telah Berjaya menghasilkan trial produk straw semen
3. Penghasilan makanan ruminan - Pembangunan projek rumput minyak seluas 50 ekar di Jeram Pasu, Pasir Puteh
4. Membangun Pusat Nurseri Semaian - telah beroperasi dan, menampung sehingga 30,000 benih pada satu-satu masa terutama benih Pisang Kultur tisu, benih sayuran dan pokok buahan.

**C. Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB)**

KPI pencapaian GLC Pertanian Negeri Kelantan oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) adalah berdasarkan projek *flagship* antaranya adalah:

1. Kilang Padi & Beras Darulnaim Sdn. Bhd.
2. Kilang Makanan Ternakan
3. Program Gerakan Pertanian Al-Falah

**6. YB TUAN HAJI NIK BAHRUM BIN NIK ABDULLAH – CHEMAKA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah jenis tenaga hijau utama yang sedang dibangunkan di Negeri Kelantan pada masa ini serta berapa peratusan penggunaan tenaga hijau dalam keseluruhan penggunaan tenaga di Negeri Kelantan?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Kerajaan Negeri masih mengkaji berkenaan penggunaan 'body worn camera' kepada penguatkuasa-penguatkuasa undang-undang di kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan. Kemampuan kewangan perlu dipertimbangkan dan diambil kira sebelum membuat keputusan memandangkan penggunaan 'body worn camera' tersebut akan menimbulkan implikasi kewangan. Penggunaan 'body worn camera' tersebut juga perlu dikaji dari segi pengoperasian, simpanan data dan privasi.

## 7. YB TUAN HARUN BIN ISMAIL – TAWANG

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah inisiatif baru yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk menjaga kebajikan OKU?

### JAWAPAN : (YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM)

Kelantan menjadi negeri peneraju perubahan dalam banyak perkara termasuklah berkaitan kecaknaan kepada warga OKU. Kelantan telah berjaya menggubal dan melancarkan DASAR OKU MUQARRABUN KELANTAN pada 20 Jun 2023 selepas DASAR BERKEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT NEGERI KELANTAN yang dilancarkan pada tahun 2015 telah menjadi asas dan pemangkin kepada semua aktiviti kebajikan.

Negeri Kelantan dengan kerjasama padu bersama MPPOK dan NGO-NGO OKU yang lain, kelangsungan usaha kerajaan Kelantan dalam hal ehwal Orang Kurang Upaya sentiasa diperkasa dan ditambah baik. Kerajaan Negeri Kelantan setiap tahun memperuntukkan lebih dari RM 500,000.00 kepada golongan OKU. Pelbagai program yang kita laksanakan untuk mereka melalui U-KEKWA dan agensi-agensi kerjasama yang lain termasuk juga kerjasama badan-badan pertubuhan bukan kerajaan. Antara usaha-usaha yang dilakukan adalah:

a. **Program Pemerkasaan Penggerak OKU** dalam kalangan Penyelaras Pembangunan OKU Parlimen dan MPPOK yang dilaksanakan secara berterusan antaranya:

- Usrah dan Mesyuarat Penyelarasan Berkala
- Kursus Pemerkasaan Organisasi
- Jaulah dan Lawatan Kerja
- Kuliah Dhuha Bulanan
- Qiam Cinta Rasul
- Seminar Undang-Undang dan isu berkaitan

b. **Program-Program Dengan Kerjasama MPPOK**

Kerajaan Negeri turut mengiktiraf dan melibatkan Majlis Persefahaman Pertubuhan Orang Kurang Upaya Kelantan (MPPOK) sebagai badan utama yang membantu pihak kerajaan dalam menterjemahkan aspirasi Negeri Kelantan iaitu '*Membangun Bersama Islam*' di dalam konteks keperluan komuniti orang kurang upaya.

Dalam program-program utama, MPPOK terus difungsikan oleh pihak kerajaan bagi memastikan aspirasi MBI mampu diterjemahkan seoptimumnya kepada komuniti orang kurang upaya. Mereka terus bergerak aktif turun kepada masyarakat dalam Siri Jelajah OKU Imarah Masjid, Kuliah Dhuha OKU, Taklimat OKU Muqarrabun kepada penerima bantuan OKU, bahkan

dalam program-program tertentu termasuklah Mahabbah Ramadhan pada setiap menjelang aidilfitri, MPPOK diberi tanggungjawab khusus bagi menyantuni komuniti orang kurang upaya sehingga ke pedalaman negeri.

**c. Program Agihan Bantuan:**

- Agihan Bantuan Maaruf OKU

Agihan Bantuan Maaruf OKU diteruskan dengan pengagihan bantuan one-off sekali setahun kepada warga OKU melalui Pusat Khidmat DUN dan juga beberapa NGO terpilih. Seramai 30 orang OKU setiap DUN menerima bantuan ini dan 50 orang OKU dari NGO terpilih dengan kadar bantuan RM300 menjadikan 1400 penerima seluruh Kelantan pada tahun 2025.

- Majlis Iftar bersama Pimpinan Kerajaan Negeri

Seramai 600 OKU diraikan pada tahun ini dalam satu majlis iftar bersama Pimpinan Kerajaan Negeri Kelantan disamping menerima Sumbangan Ramadhan dan Hari Raya. Majlis juga turut diselitkan dengan solat Asar dan Maghrib berjemaah dan pengisian khas OKU Muqarrabun serta OKU berdoa oleh anak-anak OKU.

**d. Program-program lain dengan kerjasama agensi dan NGO pula antaranya:**

1- Kembara Muhibbah OKU dengan kerjasama Persatuan Down Sindrom Negeri Kelantan

2- Program Pemantapan Pengendalian Anak-Anak Autisme Dalam Kalangan Ibu Bapa dan Penjaga melalui kerjasama Persatuan Autisme USM dan Persatuan Autisme Kelantan

3- Bantuan Banjir Khusus Untuk Warga OKU kerjasama Badan Korporat dan juga NGO

4- Program Pemeriksaan dan Kelestarian Ekonomi Golongan OKU wanita B40 iaitu Projek I-Akuaponik dengan kerjasama UiTM Cawangan Kelantan dan Pertubuhan Prihatin Ikhtiar Ihsan di bawah geran Yayasan Hasanah

5- Wacana Strategik PKS- MPPOK

Semoga dengan usaha-usaha yang diatur, OKU Kelantan terus dapat diperkasakan dan mereka tidak merasa terasing dari arus pembangunan dan kemajuan. Malah mereka turut terpanggil untuk menyumbang dan merasai tanggungjawab sebagai seorang anggota masyarakat dan warga muslim dalam sebuah daulah yang berdaulat.

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Sehingga kini jumlah orang kurang upaya (OKU) yang didaftarkan melalui sistem Pengurusan Orang Kurang Upaya (SMOKU) dari tahun 2015 sehingga Jun 2025 bagi Negeri Kelantan ialah sebanyak 42,582 orang di mana majoriti adalah melibatkan OKU pembelajaran 18,346 orang, diikuti OKU fizikal 12,691 orang, OKU mental 4,036 orang, OKU penglihatan 3,524 orang, OKU pendengaran 2,103 orang, OKU pelbagai 1,626 orang, dan OKU pertuturan 256 orang dari OKU yang berdaftar.

**Lampiran 1**

| STATISTIK PENDAFTARAN OKU NEGERI KELANTAN (BAGI TAHUN 2015 HINGGA JUN 2025) |             |                         |             |            |         |              |        |          |        |
|-----------------------------------------------------------------------------|-------------|-------------------------|-------------|------------|---------|--------------|--------|----------|--------|
| BIL.                                                                        | JAJAHAN     | KATEGORI KETIDAKUPAYAAN |             |            |         |              |        |          | JUMLAH |
|                                                                             |             | PENGLIHATAN             | PENDENGARAN | PERTUTURAN | FIZIKAL | PEMBELAJARAN | MENTAL | PELBAKAI |        |
| 1                                                                           | KOTA BHARU  | 894                     | 602         | 74         | 3490    | 4898         | 1277   | 476      | 11711  |
| 2                                                                           | PASIR MAS   | 424                     | 256         | 17         | 1657    | 2303         | 520    | 190      | 5367   |
| 3                                                                           | TUMPAT      | 452                     | 223         | 38         | 1368    | 1910         | 307    | 156      | 4454   |
| 4                                                                           | BACHOK      | 293                     | 216         | 14         | 1066    | 1420         | 348    | 154      | 3511   |
| 5                                                                           | MACHANG     | 268                     | 146         | 10         | 942     | 1284         | 252    | 85       | 2987   |
| 6                                                                           | KUALA KRAI  | 256                     | 193         | 30         | 904     | 1504         | 308    | 103      | 3298   |
| 7                                                                           | JELI        | 113                     | 59          | 5          | 443     | 610          | 105    | 77       | 1412   |
| 8                                                                           | TANAH MERAH | 316                     | 133         | 20         | 919     | 1583         | 378    | 150      | 3499   |
| 9                                                                           | PASIR PUTEH | 310                     | 165         | 36         | 1205    | 1605         | 345    | 133      | 3799   |
| 10                                                                          | GUA MUSANG  | 198                     | 110         | 12         | 697     | 1229         | 196    | 102      | 2544   |
| JUMLAH                                                                      |             | 3524                    | 2103        | 256        | 12691   | 18346        | 4036   | 1626     | 42582  |

## 8. YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH - WAKAF BHARU

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, inisiatif serta program yang dirancang dan telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menangani pelbagai isu yang melibatkan kekeluargaan seperti penceraian, keganasan rumah tangga dan pengabaian tanggungjawab khususnya dalam kalangan masyarakat B40 serta luar bandar.

### JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)

Kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan sentiasa mengambil peranan dalam menyelesaikan konflik kekeluargaan di negeri Kelantan. Pelbagai inisiatif dan program yang dirancang dan akan dilaksanakan pada tahun ini. Antara inisiatif yang sedang dilaksanakan adalah Pusat Khidmat Keluarga, Sosial Dan Komuniti (PKKSK) yang ada di setiap jajahan. Pusat ini dijadikan sebagai *social center* kepada orang ramai untuk mendapatkan kelas pengajian al-Quran, khidmat nasihat, bantuan sosial dan sebagainya. Selain itu, program-program yang telah dirancang dalam usaha untuk memperkukuhkan institusi kekeluargaan melibatkan semua komponen kekeluargaan antaranya:

| BIL | PROGRAM                                                 | SASARAN                                                                               |
|-----|---------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Program Motivasi Kekeluargaan dan Remaja                | Pelajar sekolah menengah                                                              |
| 2.  | Seminar Parenting : Menjiwai Akhlak Rasulullah          | Penjawat awam dan masyarakat awam                                                     |
| 3.  | Forum Mahasiswa : Jauhi Gejala Sosial                   | Mahasiswa untuk IPT terpilih                                                          |
| 4.  | Program Ceramah Tangani Gejala Sosial                   | Sekolah menengah di setiap jajahan                                                    |
| 5.  | Seminar Keluarga Sakinah                                | Pasangan suami isteri yang akan dilaksanakan di setiap jajahan                        |
| 6.  | Kursus Pasca Perkahwinan "Semarak Kasih Menyulam Cinta" | Pasangan yang sedang dalam proses memantapkan hubungan suami isteri dalam rumahtangga |

Selain itu, penyelarasan antara JAKIM dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) sentiasa dibuat dari semasa ke semasa dalam memperkukuhkan institusi kekeluargaan. Baru-baru ni, satu bengkel pindaan dalam Modul Bersepadu Kursus Praperkahwinan Islam telah dirancang dengan memasukkan beberapa elemen isu-isu kekeluargaan, antaranya keganasan rumah tangga, penderaan, kesihatan mental, ketagihan gadget dan beberapa lagi. Diharapkan dengan pindaan ini dapat memberi pendidikan kepada masyarakat menerusi Kursus Praperkahwinan Islam terutamanya kepada pasangan yang bakal mendirikan rumahtangga.

Kerajaan Negeri Kelantan melalui UKEKWA sentiasa komited menangani pelbagai isu kekeluargaan seperti penceraian, keganasan rumah tangga dan pengabaian tanggungjawab, khususnya melibatkan masyarakat B40 serta penduduk luar bandar.

Antara inisiatif dan program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

**1. Memperkenalkan Dasar Keluarga Mawaddah Kelantan (2019)**

Dasar ini telah diinduksikan kepada jabatan negeri dan persekutuan di peringkat negeri Kelantan serta diperingkat Parlimen dan DUN untuk masyarakat dan pimpinan setempat bagi menjelaskan dasar yang telah dibuat oleh pihak kerajaan.

**2. Menerbitkan Buku Panduan Keluarga Mawaddah (2011)**

Pelbagai program, kursus, seminar dan bengkel telah disusun untuk menerangkan berkenaan Buku Panduan Keluarga Mawaddah. Buku ini juga telah ditambah baik dalam bentuk senarai semak yang mula diedarkan pada tahun 2019 dengan tujuan untuk menjadikan buku tersebut sebagai garis panduan yang lebih mudah difahami dan dirujuk oleh masyarakat tanpa mengira level pendidikan. Taklimat berkenaan buku ini menjadi salah satu pengisian dalam program kekeluargaan.

**3. Menubuhkan Mawaddah Centre (2021)**

Mawaddah Centre adalah pusat aktiviti keluarga yang menyediakan pelbagai program dan perkhidmatan seperti khidmat nasihat, bengkel, kursus, seminar, rundingan cara dan motivasi untuk masyarakat setempat khususnya yang memerlukan 'teman yang mendengar' dan 'rakan pembimbing' bagi permasalahan keluarga dan sosial. Semua perkhidmatan yang ditawarkan adalah secara percuma dan terbuka untuk semua rakyat termasuk golongan B40 atau miskin tegar. Pusat ini beroperasi dengan kerjasama pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) sebagai Pusat Khidmat Keluarga Sosial dan Komuniti (PKKSK) dan NGO-NGO yang berkaitan.

Bermula penubuhan sehingga Mei 2025, 284 kes berjaya diselesaikan dan ditamatkan sesi dari 293 kes yang didaftarkan dengan kerjasama dari JAHEAIK, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri Kelantan (LPPKN), Mentari Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM), Jabatan Bantuan Guaman, Mahkamah Syariah dan pihak NGO dari Rumah Anak Yatim dan Rumah Generasiku Sayang.

#### **4. Penubuhan Mawaddah Support Team (MST) Parlimen (2020)**

Adalah berfungsi sebagai platform untuk menyuarakan dan mengenalpasti masalah, isu dan keperluan keluarga dalam menjaga kepentingan dan kemaslahatan ummah di setiap parlimen. MST Parlimen berada di bawah pemantauan Majlis Pembangunan Keluarga Mawaddah (MPKM) Negeri Kelantan yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita Kerajaan Negeri Kelantan.

Mawaddah Support Team (MST) Parlimen merupakan sebuah kumpulan sokongan keluarga yang diwujudkan di peringkat Parlimen bagi menggerakkan usahasama komuniti dan sukarelawan yang bertujuan mendidik, membangun dan mencegah isu sosial di peringkat institusi keluarga dalam masyarakat Negeri Kelantan.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah ziarah mahabbah keluarga mawaddah, menyantuni keluarga rentan termasuk keluarga penagih dadah, program-program kekeluargaan yang melibatkan parlimen masing-masing serta membawa isu kekeluargaan setempat kepada kerajaan negeri untuk tindakan yang perlu dilaksanakan.

MST Parlimen turut menjalinkan kerjasama erat dengan pelbagai agensi berkaitan seperti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi yang relevan dalam usaha memperkukuh pembangunan institusi kekeluargaan di Negeri Kelantan.

#### **5. Rumah Perlindungan Wanita Sinar Harapan (Darul Auni) telah ditubuhkan pada pertengahan tahun 2011.**

Fokus utama untuk menangani isu-isu yang melibatkan wanita. Darul Auni berperanan sebagai pusat perlindungan sementara secara percuma kepada wanita yang berhadapan dengan pelbagai bentuk masalah, termasuklah mangsa penderaan rumah tangga, penderaan seksual, serta kes-kes yang dirujuk oleh Mahkamah.

Tempoh penempatan adalah bersifat sementara dan tertakluk kepada keperluan kes, manakala Urus Setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKwa) bertindak sebagai pemudah cara dalam membantu mangsa menyelesaikan urusan berkaitan perundangan, laporan polis, kesihatan dan hal-hal berkaitan Mahkamah.

Sejak penubuhannya sehingga tahun 2024, seramai 93 orang penghuni telah diberi perlindungan serta rawatan menyeluruh yang merangkumi aspek fizikal, rohani dan emosi. Majoriti penghuni yang menerima manfaat daripada perkhidmatan ini adalah terdiri daripada golongan B40, khususnya wanita yang berisiko.

**6. Pelbagai program sokongan untuk advokasi, pendidikan dan pembangunan keluarga disusun dan dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak di peringkat DUN, parlimen, jajahan dan negeri di bawah seliaan UKEKWA. Antaranya :**

- a. Sambutan Hari Suami Isteri Peringkat Negeri Kelantan
- b. Sambutan Hari Keluarga Peringkat Negeri Kelantan, Parlimen dan DUN
- c. Kursus Kecemerlangan Kerjaya dan Keluarga (Ketua Keluarga)
- d. Bengkel Bina Keluarga
- e. Program Big Hero
- f. Karnival Keluarga Darul Naim
- g. Forum Keluarga Rasulullah
- h. Sambutan Hari Ibubapa
- i. Anugerah Keluarga Mawaddah
- j. Bengkel Ibu bapa Muda DUN
- k. Seminar Rumahtangga Berkat
- l. Program Bengkel Pendengar Setia dengan kerjasama UBES
- m. Dan pelbagai lagi

Kerajaan Negeri Kelantan akan terus komited dan proaktif dalam memperkasakan institusi kekeluargaan melalui pendekatan menyeluruh yang merangkumi aspek pendidikan, bimbingan, perlindungan dan pemerkasaan ekonomi. Segala inisiatif yang dilaksanakan adalah berteraskan nilai-nilai Membangun Bersama Islam. Dengan kerjasama pelbagai jabatan, agensi dan NGO, kita yakin usaha ini akan terus menyumbang kepada keharmonian keluarga, kesejahteraan komuniti dan kemakmuran negeri secara berterusan.

**9. YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE - PENGKALAN PASIR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha kerajaan meningkatkan kesedaran isu Kebersihan dan langkah penguatkuasaan di PBT bagi memastikan negeri Kelantan di tahap yang cemerlang

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

1. Antara usaha kerajaan untuk meningkatkan kesedaran isu Kebersihan adalah dengan mengadakan:

- a. **Kempen Kesedaran Berterusan** - Pelaksanaan program seperti *Kempen Kelantanku Bersih*, gotong royong perdana yang melibatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan dan komuniti setempat.
- b. **Penyebaran maklumat secara berterusan** - melalui media sosial, poster dan risalah kesedaran menjaga kebersihan di tempat awam, sekolah dan rumah ibadat.
- c. **Memberi Pendidikan Komuniti** - Kerjasama dengan sekolah dan institusi pendidikan untuk mendidik murid dan pelajar tentang pentingnya kebersihan di peringkat awal.
- d. **Penerapan pendidikan sivik berkaitan penjagaan kebersihan dan alam sekitar.**
- e. **Insentif dan Pengiktirafan** - Anugerah Kebersihan dalam Pertandingan Kelantanku Bersih kepada PBT-PBT untuk Kategori Kecemerlangan PBT, Taman Awam Terbersih, Tandas Awam Terbersih, dan pengiktirafan turut diberikan kepada Persatuan yang mengelola Taman Perumahan dan Pasar Awam di bawah PBT yang berjaya mencapai tahap kebersihan yang cemerlang.

2. Antara langkah penguatkuasaan oleh PBT adalah:

- a. **Pemantauan dan Rondaan Berkala** - Penguatkuasaan melalui rondaan oleh Bahagian Penguatkuasaan PBT bagi mengenalpasti dan mengekang lokasi berisiko dijadikan kawasan pembuangan sampah haram.
- b. **Pengeluaran Notis dan Kompaun** - Tindakan undang-undang seperti pengeluaran notis amaran, kompaun, dan pendakwaan kepada individu atau premis yang melanggar peraturan kebersihan di bawah Undang-Undang Kecil PBT.
- c. **Penggunaan Teknologi** - Penggunaan sistem aduan awam secara dalam talian untuk memudahkan orang ramai melaporkan kes pelanggaran kebersihan.

- d. **Pemantauan Di Tempat Pembuangan Sampah (Rumah Sampah)** -  
Pengawasan moden melalui penggunaan Kamera Litar Tertutup (CCTV) di tempat pembuangan sampah boleh membantu PBT dalam pemantauan tahap pembuangan sampah, mengesan pelaku kesalahan kebersihan dan vandalisme, menyokong tindakan penguatkuasaan berasaskan bukti dan memberi isyarat pencegahan kepada masyarakat.

#### 10. YB TUAN SAIZOL BIN ISMAIL – SALOR

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, dasar kerajaan negeri dalam membina belia berakhlak tinggi dan menyekat pengaruh budaya luar yang negatif?

**JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

Kerajaan Negeri Kelantan sentiasa komited dalam usaha membentuk golongan belia yang berakhlak mulia serta berdaya tahan terhadap pengaruh budaya luar yang negatif. Selaras dengan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) dan pendekatan Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI), pelbagai dasar dan inisiatif telah dirangka dan dilaksanakan melalui Urus Setia Belia dan Sukan Negeri Kelantan (U-BeS). Antara dasar dan pendekatan strategik yang diambil termasuk visi pembangunan belia negeri untuk melahirkan generasi *Al-Qawiyyul Al-Amin*, iaitu belia yang kompeten, berintegriti, dan mampu menjadi pemimpin masa depan yang seimbang dari segi spiritual, intelektual dan fizikal. Kerajaan Negeri melalui portfolio Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat sentiasa meletakkan keutamaan tinggi terhadap usaha membentuk belia yang berakhlak mulia dan berdaya tahan terhadap pengaruh budaya luar yang merosakkan.

##### 1. Dasar Pembangunan Belia Negeri

Kerangka dasar ini berteraskan Dasar Anak Muda Kelantan (DAMAK) sebagai dokumen rujukan utama pembangunan belia negeri. Visi pembangunan belia adalah untuk melahirkan generasi *Qawiyyul Al-Amin* – golongan muda yang cerdas, berintegriti, dan berpaksikan nilai-nilai Islam. Pendekatan ini disokong dengan pelan tindakan tahunan berasaskan model SOSTAC, iaitu perancangan Strategi, Objektif, Taktik dan Pemantauan yang teratur.

##### 2. Program Khusus Membangun Jati Diri Belia

Antara inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan bagi tujuan ini adalah:

- Kelantan Future Leaders Institute (KFLI) – sebuah program di bawah Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat yang memfokuskan pembinaan kepimpinan belia berasaskan idealisme, nilai, dan integriti.
- Kelantan Future Leaders Camp, Bootcamp & Academy – program intensif untuk kepimpinan pelajar, lepasan SPM dan mahasiswa bagi menanam nilai kepimpinan rabbani dan patriotik, serta menyemai semangat khidmat masyarakat dan kefahaman tanggungjawab sosial.

- Program Kolej Gentera - pelaksanaan bagi musim keempat dan yang berterusan dengan konsep (Touch N Stay) sebagai benteng kepada para belia untuk mengatasi gejala sosial. Program Felo Darulnaim - membina barisan pelapis pelaksana dasar dengan pendedahan langsung kepada pengurusan kerajaan dan pembangunan dasar belia.
- Konvensyen Kepimpinan Belia Kelantan - medan wacana pemikiran, penyatuan NGO belia, dan peneguhan naratif belia beradab dan bertamadun.

### **3. Strategi Menangani Pengaruh Budaya Luar**

Kerajaan Negeri mengambil turut melaksanakan pelbagai program pembangunan kerohanian dan penghayatan Al Quran serta pengisian kesedaran isu sosial dalam kalangan belia secara roadtour dengan kaedah yang 'keno denge jiwo ore mudo' ke kawasan melalui program Anak Muda Tamu Ramadhan (AMTAR). Pengukuhan komuniti belia setempat melalui aktiviti kerohanian, kesukarelawanan dan khidmat masyarakat yang berterusan melalui program Rakan Muda Al Quran sebagai medium untuk sibukkan anak muda dengan aktiviti-aktiviti aktif dan bermanfaat. Selain Pengukuhan Peranan NGO Strategik - PEMADAM Negeri Kelantan PEMADAM Kelantan (Persatuan Mencegah Dadah Malaysia) berperanan besar sebagai rakan strategik utama Kerajaan Negeri dalam menangani isu penyalahgunaan dadah dan pengaruh subkultur negatif. Sesi libaturus, retreat PEMADAM serta Bengkel Plan Strategik Jihad Perangi Dadah yang telah dijalankan oleh pihak PEMADAM Kelantan sebagai bentuk tindakan bagi menjalankan program kesedaran, pencegahan awal dan advokasi di sekolah, kampus dan komuniti dengan pendekatan pendidikan dan intervensi. Kerjasama erat antara Urus Setia Belia & Sukan, NGO-NGO Strategik, PEMADAM, AADK dan NGO belia membantu mencipta ekosistem sokongan untuk belia yang terdedah kepada risiko gejala sosial.

### **4. Kawalan & Penambahbaikan Berterusan Pelaksanaan** semua inisiatif

ini dipantau melalui kaedah berasaskan output dan outcome, serta analisis jurang prestasi tahunan. Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan Pusat Data Belia dan ekosistem alumni program belia bagi memastikan kesinambungan, program susulan dan impak jangka panjang. Kerajaan Negeri percaya bahawa membina belia yang berakhlak mulia bukan sekadar melalui program reaktif, tetapi perlu didasari oleh dasar yang jelas, pendekatan yang konsisten, dan kerjasama strategik antara pelbagai agensi dan masyarakat dalam melahirkan belia kalis masa hadapan. Dengan izin Allah, kita yakin belia Kelantan mampu menjadi generasi yang bukan hanya tahan uji, malah mampu memimpin negeri dan negara ke arah kecemerlangan yang berterusan, berpaksikan Islam sebagai dasar.

**11. YB PUAN NOR ASILAH BINTI MOHAMED ZIN - LIMBONGAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha kerajaan untuk menjaga Harta intelek yang ada di negeri Kelantan serta langkah menarik pelancong gastronomi dalam meningkatkan ekonomi negeri?

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri sentiasa berusaha bagi menarik pelancong gastronomi dalam membantu untuk meningkatkan ekonomi negara. Antara usaha yang dilaksanakan oleh Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan termasuklah dengan menganjurkan program yang mempunyai elemen-elemen mempromosikan identiti makanan tempatan termasuk mengadakan program Kelantan Art Culture Festival (KACF) dan Citra Festival Citarasa Warisan @ Pantai Timur pada 5 hingga 7 September 2025 dengan Kerjasama Jabatan Warisan Negara.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri juga telah bekerjasama dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYIPO) dengan penganjuran bengkel selama 3 hari bertempat di Kota Bharu. Program ini menfokuskan kepada usahawan-usahawan di negeri Kelantan.

## 12. YB TUAN MOHD RODZI BIN JAA'FAR - GAAL

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah pelan sosioekonomi dan transformasi sosial jangka panjang yang telah dirangka oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan masyarakat di sekitar jajaran ECRL—terutamanya di kawasan seperti Pasir Puteh dan Kota Bharu terlibat secara langsung dalam manfaat pembangunan melalui peluang pekerjaan, keusahawanan, pemilikan aset, serta pengurusan kesan limpahan terhadap budaya tempatan, struktur pemilikan tanah dan kelestarian

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Kerajaan Negeri mengambil maklum akan tindakan **Majlis Daerah Pasir Puteh (MDPP)** dibawah pentadbiran kawasanya iaitu MDPP telah mengambil langkah bersepadu dalam memastikan masyarakat setempat dapat menikmati faedah langsung daripada pelaksanaan projek ECRL melalui perancangan strategik yang menyeluruh dan pelaksanaan yang inklusif.

### 1. Semakan dan Penyesuaian Rancangan Tempatan

Majlis telah menyediakan dokumen Rancangan Tempatan Jajahan Pasir Puteh 2035 (Penggantian), dengan mengambil kira jajaran dan impak ECRL, termasuk:

- i. Pengezonan Zon Pembangunan Bersepadu Stesen ECRL Pasir Puteh yang menggabungkan kawasan perniagaan, kemudahan awam, infrastruktur dan perumahan.
- ii. Peruntukan kawasan industri ringan dan logistik berhampiran stesen rel untuk menyokong aktiviti ekonomi setempat.

### 2. Pemeriksaan Ekonomi Tempatan

Majlis sedang melaksanakan beberapa inisiatif bagi memastikan penglibatan masyarakat dalam aktiviti ekonomi yang dijana oleh projek ini:

- i. Perancangan untuk menggalakkan aktiviti perniagaan di sekitar kawasan stesen dengan penyediaan zon perniagaan.
- ii. Peluang pekerjaan yang akan bertambah apabila stesen mula beroperasi.

Majlis komited untuk memastikan daerah Pasir Puteh bukan sekadar menjadi laluan, tetapi menjadi pusat pertumbuhan ekonomi baharu yang makmur dan berdaya saing.

3. **Pelaporan Jawatankuasa Koordinator Kerja Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) Negeri Kelantan**

- i. Jawatankuasa ini dapat berfungsi dalam memenuhi objektif sebagai penyelaras dan perantara dalam gerak kerja yang melibatkan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) bagi negeri Kelantan.
- ii. Jawatankuasa kuasa ini boleh berbincang, meneliti dan menyelaras peluang-peluang pembangunan yang berpotensi di setiap jajaran ECRL bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan bagi memenuhi keperluan dan manfaat pembangunan.
- iii. PBT yang terlibat dengan kawasan jajaran ECRL akan membentangkan cadangan pembangunan bagi setiap jajaran ECRL untuk memastikan manfaat pembangunan ini dapat dicapai sebaiknya.

### 13. YBM TUAN KU MOHD ZAKI BIN HUSSIN – DABONG

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah Kerajaan Negeri bercadang mewujudkan satu ekosistem kesedaran halal yang holistik melibatkan seluruh jabatan, agensi dan NGO ?

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Ya, kerajaan negeri bercadang mewujudkan satu **ekosistem kesedaran halal** yang holistik melalui **pengurusan Halal JAHEAIK seperti berikut:**

- a) Penetapan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) sebagai salah satu keperluan untuk memperbaharui Lesen Premis Perniagaan bagi premis perniagaan makanan di bawah Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kelantan bagi memudahkan rakyat memperoleh makanan dan bahan gunaan yang diperakui halal.
- b) Menyediakan inisiatif Pensijilan Halal Malaysia bagi Industri Kotej agar produk makanan harian dan tradisional Negeri Kelantan yang telah diperakui halal, boleh diperolehi dengan mudah dan harga yang berpatutan.
- c) Bekerjasama dengan agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk dilaksanakan operasi dan pemeriksaan mengejut ke atas pemegang SPHM, mana-mana premis makanan dan juga kilang.
- d) Memperkukuhkan kerjasama di antara JAHEAIK dengan JAKIM dan KKM terutamanya dari sudut pemeriksaan sampel makanan bagi meningkatkan kualiti dan keselamatan makanan.
- e) Merangka kerjasama dengan badan kebajikan dan badan bukan kerajaan untuk dilaksanakan Kursus Sembelihan Mengikut Syariat Islam dan Kepentingan Halalan Toyyiba pada Produk Makanan kepada asnaf yang berkecukupan.

Penetapan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) kepada semua hotel yang mempunyai dapur dan juga restoran serta dapur hospital kerajaan mahupun swasta.

**14. YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR - BUKIT BUNGA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah penyelesaian kerajaan untuk menghadapi masalah banjir yang mana setiap kali berlaku hujan lebat melebihi 4 ke 5 jam menyebabkan limpahan air sungai melintasi jalan perseketuan terutama sekitar Panglima Bayu mengakibatkan kesesakan lalu lintas dan merosakkan harta benda di Masjid Panglima Bayu.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

**15. YB TUAN HAJI MOHD FAUZI BIN ABDULLAH – MANEK URAI**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perkembangan terkini kilang beras kelantan?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kilang Padi Beras Darulnaim Sdn. Bhd. telah mula beroperasi pada 27.04.2025 dengan pembelian padi dari petani dan di proses di kilang ini. Bagi pengeluaran beras dari kilang tersebut, dijangka pada bulan Ogos 2025 memandangkan seksyen beras masih lagi dalam persiapan peralatan mesin dan jentera.

**16. YB TUAN HARUN BIN ISMAIL - TAWANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah proaktif oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dilaksanakan secara berkesan di Institusi Pendidikan ?

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Antara langkah-langkah proaktif oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan dilaksanakan secara berkesan di Institusi Pendidikan adalah sebagaimana berikut :

- i. Penubuhan Jawatankuasa Task Force Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan di peringkat negeri dan Jawatankuasa Pemantau di peringkat Institusi Pendidikan seperti di Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Jawatankuasa ini yang akan menyelaras, merancang dan memantau pelaksanaan dasar.
- ii. Latihan dan Pembangunan Profesional Guru. Kursus, bengkel dan seminar untuk para guru bagi memantapkan pemahaman berkaitan modul dan pendekatan Pendidikan Rabbani.
- iii. Program latihan yang berterusan untuk memperkasa kefahaman guru terhadap konsep Tarbiah Rabbani.
- iv. Penambahbaikan pada Kurikulum dan Ko-Kurikulum dengan nilai-nilai Rabbani seperti integrasi ilmu wahyu dan ilmu akademik. Aktiviti kokurikulum juga mesti dititikberatkan dengan nilai-nilai Rabbani seperti pemakaian sukan yang menutup aurat bagi pelajar perempuan, begitu juga badan beruniform, kelab dan persatuan.
- v. Aktiviti ko-kurikulum seperti usrah pelajar, qiamullail dan kem kepimpinan yang berteraskan Islam diperluaskan.
- vi. Menyediakan Buku Senarai Semak Aktiviti Dasar Pendidikan Rabbani di sekolah salah satu cara atau kaedah bagi memastikan pihak sekolah melaksanakan dengan jayanya setiap program atau aktiviti yang telah ditetapkan di dalam buku tersebut. Buku Senarai Semak mesti di hantar ke Unit Hal Ehwal Murid, Yayasan Islam Kelantan untuk di semak dan dinilai sejauh mana kejayaan pelaksanaan DPRK di sekolah. Pemantauan secara berkala oleh pihak Yayasan Islam Kelantan.

- vii. Pelaksanaan projek rintis Sekolah Model Rabbani sebanyak 10 buah telah dipilih untuk dijadikan sebagai model atau contoh pelaksanaan DPRK terbaik. Sekolah-sekolah ini dijadikan pusat latihan dan lawatan penanda aras.
- viii. Penglibatan Komuniti dengan program-program sekolah yang diadakan di masjid seperti Qiyamullail Perdana, Forum Keluarga Rabbani, Kuliah, Tazkirah dan Gotong Royong Perdana melibatkan komuniti. Penyebaran maklumat dasar melalui ceramah, tazkirah, media sosial dan risalah.
- ix. Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada 24 Februari 2025 melancarkan pelaksanaan DPRK di 83 buah sekolah selain 10 buah sekolah rintis untuk memperkukuh sistem pendidikan Islam yang seimbang jasmani dan rohani.

Kerajaan Negeri melancarkan K-RABB (Program Budaya Komuniti Rabbani) untuk memperluaskan budaya Pendidikan Rabbani ke peringkat komuniti dan institusi, menerap 9 prinsip kukuh dalam budaya seharian rakyat.

# 17. YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD – GUAL PERIOK

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha dan inisiatif kerajaan dalam memberi kesedaran serta bantuan kepada pesakit kanser payudara di Kelantan memandangkan kanser payudara merupakan kanser nombor satu tertinggi di Malaysia dihadapi oleh kaum wanita?

## JAWAPAN : (YB PUAN ROHANI BINTI IBRAHIM)

Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan sentiasa komited dalam usaha membantu dan memberi kesedaran kepada pesakit kanser payudara di negeri ini. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah:

1. Bantuan kewangan dan peralatan perubatan melalui Jabatan Kerja Sosial Perubatan di hospital-hospital bagi pesakit kanser payudara yang memerlukan.
2. Program-program kesedaran kesihatan berkaitan kanser payudara termasuk kepentingan saringan awal kanser payudara, perkhidmatan saringan di klinik kesihatan dan juga rujukan ke hospital untuk rawatan lanjut.
3. Program kesedaran yang dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain dan NGO untuk meningkatkan kesedaran masyarakat dan wanita khususnya berkaitan kanser payudara dan juga kanser lain seperti kanser serviks. Antara aktiviti yang telah dijalankan dan akan dijalankan adalah seperti berikut:

| Daerah      | Nama Program                                                           | Tarikh    | Kolaborasi Pejabat Kesihatan Daerah Bersama Exco Kerajaan Negeri/ NGO                                                                 |
|-------------|------------------------------------------------------------------------|-----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Machang     | Program Bina Ummah Peringkat Komuniti Paloh Rawa                       | 19/4/2025 | Kolaborasi Pejabat Kesihatan Daerah Machang bersama DUN Temangan                                                                      |
|             | Program Bina Ummah DUN Pulau Chondong 2025                             | 28/6/2025 | Kolaborasi Pejabat Kesihatan Daerah Machang bersama DUN Pulau Chondong                                                                |
| Pasir Mas   | Program Advokasi Mamogram Peringkat Daerah Pasir Mas                   | 21/8/2025 | Kolaborasi Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas bersama NGO (Puspanita, Perkumpulan Wanita Islam Pasir Mas dan Jabatan Belia Pasir Mas) |
| Pasir Puteh | Program Kempen Sayangi dan Hargai Payudara Wanita Kelantan 2025        | 15/2/2025 | Kolaborasi Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Puteh, PAPISMA dan Exco Kerajaan Negeri                                                     |
| Tumpat      | Kuliah Bulanan Wanita Sihat Dan Cantik Parlimen Tumpat                 | 26/6/2025 | Kolaborasi Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat bersama UKEKWA, Majlis Perundingan Wanita Tumpat dan Masjid Annur Kota Kubang Labu         |
| Jeli        | Program Advokasi Mammogram                                             | 21/9/2025 | Exco kerajaan negeri                                                                                                                  |
| Kuala Krai  | Program Kesihatan Wanita Peringkat Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Krai | 15/4/2025 | Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Krai                                                                                                   |

4. Perkhidmatan pengesanan awal kanser payudara dengan penubuhan Pink Ribbon Centre di HRPZII.
5. Kempen Kesedaran pengesanan awal kanser payudara juga diadakan di klinik-klinik kesihatan di Negeri Kelantan.

## 18. YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH – PULAI CHONDONG

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi membendung dan mengurangkan indeks gejala sosial dinegeri Kelantan sebagaimana laporan oleh media-massa dan kesan daripada program yang telah dilaksanakan sekiranya ada

### JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)

Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Kali Ke 10/2025 telah bersetuju dengan penubuhan Jawatankuasa Pelaksana Menangani Gejala Sosial Dan Maksiat Negeri Kelantan yang diurusetikan oleh SPARK dan ILDAN. Jawatankuasa ini ditubuhkan bertujuan untuk memperkukuhkan keberkesanan pelaksanaan dasar dan intervensi menangani gejala sosial secara bersepadu di negeri Kelantan.

Satu bengkel melalui jawatankuasa berkenaan telah diadakan pada 2-3 Julai 2025 bagi mengumpulkan semua agensi-agensi yang terlibat dengan menangani gejala sosial seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, PDRM, JAHEIK, Jabatan Kesihatan Negeri, PEMADAM, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, UBES, UKEKWA, UPKN, dan lain-lain agensi. Melalui bengkel ini akan dipetakan tindakan-tindakan yang bersepadu bagi menangani gejala sosial di Negeri Kelantan.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui pelbagai agensi sentiasa aktif melaksanakan program-program bagi menangani gejala sosial dan maksiat di negeri Kelantan. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Slogan Jihad Perangi Dadah telah diangkat oleh kerajaan negeri sebagai komitmen untuk menangani masalah penagihan di Negeri Kelantan. Seterusnya Majlis Keselamatan Negara, Negeri Kelantan, turut menyambut seruan ini dan menggerakkan jabatan-jabatan kerajaan yang berkaitan, untuk memainkan peranan penting bagi sama-sama menjayakan usaha ini.
- (b) Program Solat Hajat Perdana telah diadakan pada 30hb. Mei 2025 di seluruh masjid di Negeri Kelantan kerjasama JAHEIK dan pihak AADK yang bertujuan bagi memupuk kesedaran dan rasa bertanggungjawab semua rakyat Negeri Kelantan untuk sama-sama menangani masalah penagihan dadah
- (c) Menjalankan aktiviti penguatkuasaan oleh PDRM dan AADK serta beberapa jabatan lain, sentiasa dipertingkatkan untuk mengesan dan menahan pengedar dan penagih dadah. Kesannya, kadar penyalahguna dan penagih dadah serta bahan telah menurun sebanyak 5.4% bagi tempoh Januari hingga Mac 2025, berbanding tempoh sama pada tahun 2024.

- (d) Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Kelantan bersama Kerajaan Negeri serta agensi-agensi berkaitan juga telah mengadakan perbincangan dalam usaha memastikan pengharaman penggunaan vape dilaksanakan, selaras dengan langkah yang telah diambil oleh beberapa negeri lain.
- (e) Kerajaan Negeri melalui Pengerusi Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat serta Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan Pembangunan Keluarga Dan Wanita, sentiasa aktif dan komited bekerjasama dengan AADK dalam mengadakan perbincangan dan program Pendidikan pencegahan serta rawatan dan pemulihan kepada klien serta keluarga.
- (f) Kerajaan Negeri dengan kerjasama AADK turut melaksanakan program di peringkat DUN melalui Program Cakna Rakyat, Program Bina Ummah sebagainya. Sehingga Mei 2025, sebanyak 43 program telah dilaksanakan oleh AADK dengan Kerjasama Pejabat DUN dan Kerajaan Negeri Kelantan.
- (g) Pihak kerajaan negeri juga menyokong kempen kesedaran yang dilaksanakan oleh AADK dengan menyalurkan peruntukan untuk mengadakan program dan kempen seperti pemasangan papan tanda kempen anti dadah kepada masyarakat di beberapa lokasi seperti:
- i) AADK Gua Musang - 3 papan tanda sumbangan Majlis Daerah Gua Musang
  - ii) AADK Tumpat - 2 papan tanda sumbangan Pejabat DUN Wakaf Bharu
  - iii) AADK Machang - 6 papan tanda sumbangan YB Dun Temangan

**MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Perancangan dan susun atur program yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam, Bahagian Penguatkuasaan Undang-undang Syariah bagi menangani gejala sosial di negeri Kelantan adalah sebagaimana berikut;

1. Mengadakan siri Penerangan Undang-Undang Syariah.  
Program ini diadakan di sekolah-sekolah Menengah Yayasan Islam Kelantan dan juga sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. Program ini turut diadakan di Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta di masjid-masjid. Objektif utama adalah untuk mengwar-warkan kepada seluruh masyarakat berkenaan kesalahan sosial yang boleh dikenakan tindakan mengikut enakmen-enakmen yang dikuatkuasakan di negeri Kelantan. Antara kesalahan yang diketengahkan adalah, perbuatan tidak sopan, perbuatan khalwat, hamil luar nikah, tidak solat Jumaat, makan di bulan Ramadhan dan lain-lain.

2. Mengadakan pameran dan kempen promosi "Menutup Aurat" dipasaraya-pasaraya, sekolah, masjid dan tempat-tempat awam sebagai langkah pertama mengelakkan remaja terjebak dengan gejala sosial.
3. Mengadakan program al-Mutaqqin secara kolabarasi bersama AADK dan Jabatan Parol. Program ini adalah bagi memotivasikan Orang Kena Pengawasan (OKP) untuk hidup bermasyarakat mengikut landasan agama.
4. Mengadakan rondaan dan pemantauan ditempat berisiko seperti pusat peranginan dan rehlah.
5. Mengadakan operasi berkala "Opps Maksiat" di hotel-hotel.
6. Melaksanakan tindakan segera ke atas maklumat yang diterima berkaitan dengan gejala maksiat seperti khalwat.

**19. YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN - KELABORAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha usaha yang dibuat oleh kerajaan negeri dalam menyediakan Rumah Mampu Milik Kelantan kepada rakyat berpendapatan di bawah RM6500 sebulan dan apakah projek projek baru yang akan dilaksanakan nanti.

**JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)**

Kerajaan Negeri amat komited dalam menyediakan Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) kepada rakyat negeri Kelantan. Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan sedang dalam fasa akhir pra pembangunan penyediaan dokumen dan pelan-pelan berkaitan bagi pembangunan projek Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) di Mukim Bunut Susu, Jajahan Pasir Mas.

Projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun hadapan dan akan menyediakan 178 unit Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) sebagaimana pecahan berikut:

- i. 29 unit rumah kategori Kos Rendah
- ii. 117 unit rumah kategori Kos Sederhana Rendah  
32 unit rumah kategori Kos Sederhana.

## 20. YB TUAN SHAARI BIN MAT YAMAN – BUNUT PAYONG

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh mana persiapan atlet dan juga infra bagi menghadapi SUKMA 2028 yang mana Negeri Kelantan akan menjadi tuan rumah dan apakah sasaran pingat yang akan diperolehi oleh Kontinjen Negeri Kelantan.

### JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Kelantan (MSN) telah membuat pelbagai persiapan rapi bagi menghadapi SUKMA 2028, di mana Negeri Kelantan akan menjadi tuan rumah. Sebagai persediaan atlet, MSN telah melaksanakan Pelan Strategik 2021-2030 yang menekankan 6 teras pembangunan sukan merangkumi:

1. Pembangunan Atlet
2. Pembangunan Jurulatih
3. Pengukuhan Organisasi Sukan
4. Pengurusan Kejohanan dan Acara
5. Pembangunan Infrastruktur Sukan
6. Pembangunan Industri Sukan

Melalui pelan strategik ini juga, MSN telah melaksanakan 3 peringkat Program Pembangunan Atlet bermula daripada Program Bakat, Pelapis dan Elit. Setakat ini, MSN telah melantik **64 orang jurulatih** (12 sepenuh masa dan 52 sambilan) untuk melatih seramai **738 atlet** di **40 Pusat Latihan Negeri** di seluruh Kelantan. Bagi atlet yang berpotensi menyumbang pingat, seramai **33 orang** telah dikenal pasti dan ditawarkan kontrak bermula Januari 2025 sehingga SUKMA 2026, dengan elaun RM400 sebulan bermula Februari 2025. Selain latihan di pusat latihan negeri, atlet juga dihantar menyertai kejohanan peringkat kebangsaan dan program pendedahan bersama pasukan kebangsaan bagi meningkatkan prestasi.

Bagi penyediaan infrastruktur kemudahan sukan pula, Majlis Sukan Negeri bersama Sekretariat SUKMA dalam proses mengenal pasti beberapa kemudahan sukan yang boleh digunakan dan perlu dinaik taraf. Kemudahan sukan yang dikenal pasti ini adalah kemudahan sukan yang berpotensi menjadi venue pertandingan di SUKMA 2028 selain daripada venue utama SUKMA di Kompleks Sukan Bukit Merbau.

Bagi sasaran pingat pula, Kerajaan Negeri tidak menetapkan bilangan pingat secara khusus kepada Kontinjen Kelantan di SUKMA 2028, walaubagaimanapun Kerajaan Negeri menyasarkan Kontinjen Kelantan berada dalam kedudukan 5 terbaik.

### **MAKLUMAT TAMBAHAN:**

Kompleks Sukan Bukit Merbau merupakan kolaborasi pembangunan bersama diantara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan kemudahan sukan bertaraf kebangsaan bagi tujuan penganjuran Temasya SUKMA Kelantan 2028. Secara keseluruhan, pembangunan Kompleks Sukan Bukit Merbau berjalan lancar dan dijadualkan siap sepenuhnya menjelang Oktober 2027 bagi Pembangunan di bawah pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12).

Kerja-kerja tanah yang dilaksanakan melalui peruntukan Kerajaan Negeri berjumlah RM62 juta sedang giat dijalankan. Tapak-tapak utama seperti Stadium Utama, Stadium Hoki, Pusat Skuasy, Gelanggang Lawn Bowl Berbumbung, dan Arena Tertutup Serbaguna telah diserahkan kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia bagi pelaksanaan pembinaan seterusnya. Sehingga Mei 2025, kemajuan fizikal kerja tanah mencapai 83.05% berbanding jadual asal 93%. Kelewatan ini disebabkan oleh kerja-kerja pengeboman dan pemecahan batu berskala besar, khususnya di laluan masuk utama dan padang ragbi, yang masih berbaki kira-kira 10%. Tarikh jangkaan siap semasa bagi kerja tanah ini adalah pada 2 Ogos 2025.

Pada masa ini, kerja-kerja pembangunan infrastruktur dan utiliti bagi Madinah Al-Riadhah sedang giat dilaksanakan. Sehingga kini, kemajuan fizikal keseluruhan telah mencapai 31.53%, lebih awal daripada jadual asal iaitu 30%. Skop kerja meliputi sistem retikulasi air, sistem pembedungan, pembinaan jalan dan perparitan. Pakej ini dilaksanakan di bawah peruntukan Kerajaan Negeri dengan nilai kontrak sebanyak RM53 juta. Tarikh jangkaan siap semasa adalah pada 14 Mac 2027.

Kontraktor bagi pembinaan Stadium Utama telah memulakan kerja di tapak pada 1 Oktober 2024. Sehingga 5 Mei 2025, kerja-kerja cerucuk (piling) di tapak bangunan utama stadium dan parkir bertingkat telah disiapkan sepenuhnya. Sebahagian kerja pengujian cerucuk (Maintain Load Test) juga telah dilaksanakan mencapai 75%. Kini, kerja-kerja pembinaan pilecap (asas struktur) bagi bangunan stadium dan parkir bertingkat sedang giat dijalankan. Kemajuan fizikal keseluruhan projek ini setakat ini adalah 18.54%, sedikit di bawah jadual asal iaitu 19.92%. Tarikh jangkaan siap pembinaan Stadium Utama adalah pada 23 Februari 2027.

Kerja-kerja awal bagi pembinaan Lapang Sasar Menembak telah dimulakan, termasuk penyediaan reka bentuk. Sehingga kini, kemajuan fizikal adalah 7.00% berbanding jadual asal 11.33%. Kontraktor sedang menyiapkan lukisan pembinaan dan akan memulakan

kerja-kerja asas tapak bagi bangunan serbaguna lapang sasar. Jangkaan siap projek ini adalah pada 23 Disember 2026.

Selain itu, empat (4) lagi venue SUKMA telah baharu sahaja berjaya dilantik kontraktor utamanya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. Kontraktor bagi kesemua venue ini telah memulakan penyediaan rekabentuk dan kerja-kerja awalan bermula pada 10 Jun 2025 iaitu:

| Venue                                            | Tarikh Siap      |
|--------------------------------------------------|------------------|
| Pembinaan Stadium Hoki                           | 7 Jun 2027       |
| Arena Tertutup Serbaguna                         | 6 September 2027 |
| Pusat Skuasy dan Gelanggang Lawn Bowl Berbumbung | 7 Jun 2027       |
| Pusat Akuatik Kota Bharu                         | 2 Ogos 2027      |

Secara keseluruhan, tempoh masa pelaksanaan pembangunan masih mencukupi memandangkan cadangan penganjuran SUKMA Kelantan adalah pada pertengahan tahun 2028.

Segala perancangan dan jadual pembinaan telah diselaraskan dengan teliti oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia, dengan pemantauan rapi daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta penglibatan bersama Persatuan-Persatuan Sukan Kebangsaan dan Majlis Sukan Negara (MSN), bagi memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

JKR Malaysia bersama KBS, Majlis Sukan Negeri, Perbadanan Stadium Kelantan serta Bahagian Koordinasi dan Program Khas (BKPK) Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan (SUK), sentiasa menjalinkan kerjasama erat bagi memastikan setiap fasa pembangunan berjalan lancar, mematuhi piawaian teknikal, dan memenuhi keperluan penganjuran SUKMA 2028.

**21. YB TUAN AHMAD ZAKHRAN BIN MAT NOOR - KEMUNING**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, bilangan syarikat pelancongan dalam negeri (*inbound travel agency*) yang menawarkan perkhidmatan pelancongan kepada pelancong atau pelawat yang datang ke negeri Kelantan, dan apakah usaha-usaha yang dimainkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dalam membantu anak-anak tempatan menubuhkan serta menjalankan syarikat pelancongan dalam negeri.

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Bilangan syarikat pelancongan dalam negeri (*inbound travel agency*) yang berdaftar dan aktif menawarkan perkhidmatan pelancongan kepada pelancong yang datang ke Negeri Kelantan sehingga kini adalah sebanyak 16 buah syarikat yang berdaftar dengan Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Malaysia Inbound Tourism Association (MITA). Syarikat-syarikat ini berperanan penting dalam merancang, mengurus dan melaksanakan pakej lawatan bagi mempromosikan destinasi menarik di Kelantan. Antara usaha Kerajaan Negeri melalui Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) dengan menyediakan maklumat pelancongan terkini, menjadi pusat utama antara agensi kerajaan dan operator pelancongan serta menawarkan peluang promosi bagi pengusaha tempatan.

Kerajaan Negeri turut menggalakkan kolaborasi antara syarikat pelancongan dengan pengusaha '*homestay*', penggiat seni budaya, komuniti setempat dan koperasi untuk membina rangkaian produk pelancongan yang lebih bersepadu dan mampan.

Kerajaan Negeri komited untuk terus memperkasakan sektor pelancongan sebagai pemacu ekonomi negeri dengan memberi tumpuan kepada penglibatan aktif anak tempatan, sekali gus mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan masyarakat setempat.

**22. YB TUAN MOHAMAD NASRIFF BIN DAUD @ DAUD YATIMEE - PENGKALAN PASIR**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah sumber sumber hasil bumi baharu untuk meningkatkan hasil pendapatan negeri serta membuat polisi untuk sebahagian hasil di gunakan untuk meningkatkan bidang pendidikan rakyat.

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

Antara sumber-sumber hasil bumi baharu yang diterokai oleh kerajaan negeri adalah seperti Lead & Zink serta NREE (Non Radiactive Earth Element).

Kerajaan Negeri telahpun mempunyai polisi untuk mengagihkan sebahagian hasil yang diterima bagi meningkatkan bidang pendidikan rakyat iaitu melalui CSR (Corporate Social Responsibility), yang mana menetapkan syarat bahawa setiap syarikat perlombongan perlu membuat sumbangan bagi tujuan dana pendidikan rakyat Negeri Kelantan.

**23. YB TUAN KAMARUZAMAN BIN MOHAMAD – GUAL PERIOK**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah tindakan dan langkah spesifik yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi menangani masalah banjir berulang di kawasan DUN Gual PerioK, terutama dari segi penaiktarafan sistem saliran dan tebatan banjir secara jangka panjang?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

**24. YB TUAN ROZI BIN MUHAMAD - TENDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, Sejauhmanakah kerjasama pintar antara PKPNK dan petani tempatan dalam pengeluaran sayur, buah-buahan dan hasil ternakan bagi pasaran dalam dan luar negeri?

**JAWAPAN : (YB DATO' HAJI TUAN MOHD SARIPUDIN BIN TUAN ISMAIL)**

Kadar sara diri atau SSR (Self Sufficiency ratio) bagi tanaman sayuran untuk negeri Kelantan telah mencapai 98% dari keperluan rakyat negeri Kelantan, manakala kadar sara diri atau SSR bagi hasil buah-buahan negeri Kelantan telah mencapai sejumlah 117% dan ini telah menunjukkan kadar bekalan hasil buah-buahan telah cukup bagi negeri Kelantan. Kerjasama pintar antara PKPNK dan petani tempatan dalam pengeluaran sayuran, buah-buahan dan hasil ternakan bagi pasaran dalam dan luar negeri adalah dengan memastikan beberapa langkah telah diambil antaranya :

- i) Membekal hasil sayur-sayuran berdaun seperti, Sawi, Salad, Pakcoi dan Cili kepada pasaran tempatan di daerah Tanah Merah, Pasir Mas, dan RTC Kota Bharu.
- ii) Meraikan para petani dengan mengadakan kerjasama perpindahan ilmu kepada para petani tempatan seperti menerima kunjungan dan rombongan para petani serta pusat pengajian di Agrovalley Rong Chenok dengan mengadakan kursus dan Latihan teknikal secara langsung mahupun tidak langsung.
- iii) Memberi motivasi dan semangat kepada para petani dengan memberi contoh hasil tanaman yang telah dijalankan oleh pihak PKPNK di Agrovalley Rong Chenok.

**25. YB TUAN HAJI MOHD ADANAN BIN HASSAN - KELABORAN**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah perancangan yang telah dibuat di peringkat Yayasan Islam Kelantan kepada pelajar SPM tahun 2024 yang mencapai kejayaan yang memberangsangkan.

**JAWAPAN : (YB DATO' WAN ROSLAN BIN WAN HAMAT)**

Kerajaan Negeri Kelantan dan Yayasan Islam Kelantan (YIK) telah melaksanakan beberapa inisiatif strategik untuk menyokong dan meraikan pelajar SPM 2024 yang mencapai keputusan cemerlang. Antara perancangan utama termasuk:

**1. Majlis Pengumuman Keputusan SPM 2024**

Majlis ini telah diadakan di Yayasan Islam Kelantan pada 24 April 2025 bagi meraikan seramai 192 orang pelajar di bawah seliaan sekolah Yayasan Islam Kelantan (YIK) yang memperolehi 9A sehingga 12A.

**2. Majlis Anugerah Kecemerlangan Peperiksaan Tahun 2024**

Melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 7 Mei 2025, kerajaan telah meluluskan dana RM700,000 untuk memberi insentif RM500 kepada setiap pelajar SPM 2024 yang mendapat sekurang-kurangnya 9A. Program tersebut merupakan acara tahunan oleh Kerajaan Negeri bersama Yayasan Islam Kelantan bagi meraikan pelajar-pelajar anak Kelantan dan yang belajar di Kelantan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM, STAM dan STPM.

**3. Menggalakkan dan membantu pelajar menyambung pengajian ke IPT dalam negeri dan luar negeri dalam pelbagai bidang.**

Yayasan Islam Kelantan mengadakan majlis taklimat dan motivasi berhubung tatacara permohonan kemasukan ke Universiti-universiti di Timur Tengah di samping membantu proses permohonan dan YIK turut menyediakan prasarana untuk pelaksanaan Imtihan Qabul.

**4. Pemberian insentif kepada pelajar yang berjaya melanjutkan Pelajaran ke Timur Tengah**

Pemberian insentif sebanyak RM500 diberikan kepada pelajar-pelajar lepasan SPM yang berjaya melanjutkan Pelajaran ke Timur Tengah.

**26. YB PUAN DR HAFIDZAH BINTI HJ MUSTAKIM – KOTA LAMA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar menyatakan, perincikan inisiatif tahun ini bagi memperkasa kepimpinan wanita di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) serta menyatakan jika ada KPI yang telah ditetapkan untuk Jawatankuasa Pembangunan Wanita demi keberkesanan pelaksanaan dasar tersebut.

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

## **27. YB DATO' ABDUL HADI BIN AWANG KECHIL – KUALA BALAH**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah usaha2 Kerajaan untuk memberi kefahaman kepada masyarakat mengenai Ilmu faraid dan kepentingan menyediakan Perancangan Harta Pusaka bagi mempercepatkan proses Pengurusan Harta Pusaka sekaligus mengurangkan masalah harta beku dan pertikaian dikalangan ahli keluarga?

**JAWAPAN : (YB TUAN MOHD ASRI BIN MAT DAUD)**

Kerajaan Negeri Kelantan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memberi kefahaman tentang ilmu faraid dan kepentingan perancangan harta pusaka. Usaha-usaha utama termasuk:

**1. Perkhidmatan Pengurusan Pusaka Islam**

- Urus pusaka waris dan Baitulmal
- Bertindak sebagai wasi/pentadbir
- Insentif kepada pelapor harta si mati

**2. Program Taklimat & Kuliah**

- Pendidikan pengurusan harta menurut syariah, seperti taklimat zakat dan wakaf

**3. Enakmen Wasiat Kelantan 2009**

- Membolehkan wasiat wajibah untuk cucu yatim jika ibu bapa meninggal serentak

**4. Sumber Ilmu & FAQ**

- Panduan permohonan sijil faraid dan dokumen berkaitan

**5. Galakan Wakaf & Pelibatan Komuniti**

- Projek wakaf dalam pendidikan, kesihatan dan ekonomi
- Menggalakkan perancangan harta sejak hidup untuk manfaat jangka panjang

## 28. YB TUAN MOHD RUSLI BIN ABDULLAH- WAKAF BHARU

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh manakah kempen kelantanku bersih diterapkan dalam kalangan penjawat awam dan sejauh manakah setiap lapisan masyarakat membentuk kesedaran untuk saling menjaga kebersihan persekitaran serta mengamalkan langkah pencegahan pencemaran melalui amalan kitar semula?

### JAWAPAN : (YB TUAN HILMI BIN ABDULLAH)

Kempen Kelantanku Bersih mula diperkenalkan pada Tahun 2019 selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 12/2018 yang telah bersetuju melancarkan Kempen Kelantanku Bersih sebagai inisiatif Kerajaan demi merealisasikan Negeri Kelantan yang bersih dan membentuk jati diri rakyat yang cakna terhadap kebersihan. Melalui kempen ini, Kerajaan Negeri berhasrat untuk memupuk kesedaran dan tanggungjawab bersama dalam kalangan rakyat Kelantan untuk menjaga kebersihan di persekitaran masing-masing, samada di rumah, tempat awam, premis perniagaan mahupun rumah ibadah.

Sejak gagasan ini mula diperkenalkan, Program Kelantanku Bersih telah melibatkan semua peringkat lapisan bermula dari peringkat sekolah (JPN dan YIK), Institusi Pengajian Tinggi (IPT), premis makanan, taman perumahan hinggalah ke pasar awam.

Pelaksanaan kempen ini telah berjaya meningkatkan tahap kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga kebersihan persekitaran serta menggalakkan penglibatan aktif komuniti dalam aktiviti kebersihan secara berterusan. Selain itu, ia turut membantu dalam meningkatkan imej kawasan awam dan premis perniagaan, selain mengurangkan jumlah aduan berkaitan isu kebersihan yang diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Dari aspek amalan kitar semula, Kempen Kelantanku Bersih merupakan salah satu *engineering program* oleh Kerajaan Negeri, khususnya dari segi penyediaan peruntukan kewangan untuk penukaran jentera kebersihan, penyediaan tong-tong sampah, dan kemudahan berkaitan kebersihan di seluruh negeri. Sementara itu, Program Komuniti Amalan Hijau (PKAH) pula merupakan *flagship program* di bawah Portfolio Teknologi Hijau dan Alam Sekitar, yang dikendalikan oleh Kelantan Utilities Mubaarakan Holdings (KUMH) Sdn. Bhd.. Program ini bertujuan untuk mendidik masyarakat dalam mengamalkan gaya hidup lestari, menjaga alam sekitar dan menggalakkan aktiviti ekonomi kitaran melalui konsep *reduce waste to landfill*. Sehingga kini, Program PKAH telah disertai oleh lebih dari 100 buah sekolah, agensi, NGO dan masjid di seluruh Kelantan. Impak daripada pelaksanaan program ini telah berjaya mengurangkan lebih 100 tan sisa sampah daripada dihantar ke tapak pelupusan sampah, selain menjana pendapatan sampingan kepada masyarakat melalui aktiviti kitar semula.

## **29. YB TUAN HAJI AZHAR BIN SALLEH - PULAI CHONDONG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauhmanakah perkembangan untuk mewujudkan pembinaan padang bola sepak dan gelanggang sepak takraw yang lengkap bagi setiap Dun di Negeri Kelantan khususnya di Dun Pulau Chondong dan sekiranya ada telah berapa buah padang yang telah dibina bagi memberi kemudahan kepada anak-anak muda untuk bersukan

### **JAWAPAN : (YB TUAN ZAMAKHSHARI BIN MOHAMAD)**

kerajaan negeri melalui Majlis Daerah Machang telah menyediakan kemudahan padang bola sepak dan gelanggang sepak takraw di kawasan-kawasan perumahan yang mempunyai rizab kawasan lapang yang mencukupi bagi penyediaan kemudahan ini. Antara lokasi yang telah disediakan adalah sebagaimana berikut:

#### **1. Dun Pulau Chondong:**

- a) Padang bola sepak di Taman Komuniti Kg Joh
- b) Gelanggang terbuka di Taman Gading Galoh
- c) Gelanggang sepak takraw di Taman Labok Jaya
- d) Gelanggang sepak takraw di Taman Desa Bakti
- e) Gelanggan sepak takraw di Taman Desa Arif

#### **2. Dun Temangan:**

- a) Gelanggang terbuka di Taman Al-Hassan
- b) Gelanggang sepak takraw di RAKR Batu 30
- c) Gelanggang sepak takraw di Taman Sri Pauh

#### **3. Dun Kemuning:**

- a) Padang bola sepak di Stadium Mini Majlis Daerah Machang
- b) Padang bola sepak di Kg Berangan Mek Nab
- c) Gelanggang terbuka di Taman SL Perwira
- d) Gelanggang terbuka di Taman Damai
- e) Gelanggang terbuka di Taman Saujana Impian
- f) Gelanggang sepak takraw di Taman Sri Sentosa

kerajaan negeri sentiasa bersedia menerima apa-apa permohonan namun tertakluk kepada peruntukan kewangan semasa. mana-mana projek yang difikirkan sesuai boleh diangkat melalui pihak unit perancang ekonomi negeri kelantan dan penyesuaian kepada peruntukan akan ditentukan oleh kerajaan.

**30. YB TUAN MOHD ALMIDI BIN JAAFAR – BUKIT BUNGA**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah langkah Kerajaan Negeri untuk memanfaatkan potensi pelancongan desa dan keindahan semula jadi di Bukit Bunga sebagai pemacu ekonomi baharu yang lestari, khususnya dalam sektor pelancongan komuniti?

**JAWAPAN : (YB DATUK KAMARUDDIN BIN MD NOR)**

Kerajaan Negeri melalui Majlis Daerah Tanah Merah sedang mengenal pasti dan meneroka beberapa tempat yang berpotensi untuk dimajukan sebagai tempat eko-pelancongan dalam DUN Bukit Bunga. Antara kawasan yang mempunyai potensi besar dalam usaha ini adalah di kawasan Bukit Kemahang dan sekitarnya yang kaya dengan lata dan jeram yang cantik serta sesuai untuk dijadikan tempat pelancongan berkonsepkan eko atau semula jadi.

**31. YB TUAN MOHD RODZI BIN JAA' FAR - GAAL**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, apakah status semasa dan pelan komprehensif pembangunan Zon Aktiviti Ekonomi (ECAZ) di sekitar stesen ECRL terutamanya di Pasir Puteh, serta sejauh mana Kerajaan Negeri merancang untuk merangsang penyertaan pelabur swasta dalam memperkasa PMKS tempatan melalui pendekatan seperti 'transit-oriented development', vendor park atau konsortium koperasi? Adakah terdapat penyelarasan diantara PTJ, UPEN, PBT dan PKINK agar pembangunan tersebut menjana hasil negeri

**JAWAPAN : (YB DATO' DR MOHAMED FADZLI BIN DATO' HAJI HASSAN)**

**BELUM TERIMA DARI PEJABAT UPEN**

**32. YB TUAN ZUBIR BIN ABU BAKAR – MENGKEBANG**

Minta YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar nyatakan, sejauh mana tindakan dan solusi yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi menambah baik penyelenggaraan infrastruktur jalan utama seperti kemudahan lampu jalan dan garisan putih yang pudar?

**JAWAPAN : (YB DATO' DR HAJI IZANI BIN HUSIN)**

JKR Negeri Kelantan sentiasa peka dan prihatin terhadap isu penyelenggaraan jalan utama, termasuk keadaan lampu jalan yang rosak serta garisan jalan yang pudar. Bagi tujuan ini, JKR Negeri Kelantan telah menyediakan perancangan untuk kerja-kerja pembaikan melalui Anggaran Penyelenggaraan Jalan (APJ) bagi semua jalan negeri dan jalan persekutuan di Negeri Kelantan dan membuat permohonan peruntukan untuk penyelenggaraan jalan termasuk kerja-kerja mengecat semula garisan putih di permukaan jalan raya dan kerja-kerja senggaraan lampu jalan. Namun begitu, semua kelulusan kerja-kerja tersebut adalah bergantung kepada keupayaan kewangan kerajaan. Setiap pembaikan akan dibuat mengikut keutamaan dan dinilai mengikut tahap kerosakan pada jalan terlibat.







